Hubungan keluarga di antara pemimpin dan pekerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengarah adalah anak kepada Ketua Pengurus Besar</li> <li>• Pengarah Urusan Operasi adalah cucu kepada Ketua Pengurus Besar</li> </ul>	Pengangkatan sebagai saudara angkat kesepuluh kepada Ketua Pengurus Besar	Ketua Pengurus Besar dan Pengarah Urusan tidak terdapat hubungan keluarga	Ketua Pengurus Besar dan Timbalan Pengarah Urusan Bahagian Pengeluaran tidak terdapat hubungan keluarga
Hierarki organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dari atas ke bawah: Ketua Pengurus Besar, Pengarah, Pengarah Urusan Operasi, Pengurus Bahagian Percetakan</li> <li>• Pengarah sebagai subordinat kepada Ketua Pengurus Besar</li> <li>• Pengarah Urusan Operasi sebagai sub-subordinat kepada Ketua Pengurus Besar yang memiliki interaksi langsung dalam hubungan kerja dengan Ketua Pengurus Besar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dari atas ke bawah: Ketua Pengurus Besar, Pengarah Urusan</li> <li>• Pengarah Urusan sebagai subordinat kepada Ketua Pengurus Besar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dari atas ke bawah: Ketua Pengurus Besar, Timbalan Pengarah Urusan (<i>Deputy Managing Director</i>), Pengarah Eksekutif (<i>Executive Director</i>), Pengarah Urusan, Pengurus Kanan, Pengurus</li> <li>• Pengarah Urusan sebagai pekerja bawahan kepada sub-subordinat kepada Ketua Pengurus Besar yang memiliki interaksi langsung dalam hubungan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dari atas ke bawah: <i>Rapat Umum Pemegang Saham, Badan Komisaris (Board of Comisaris/BoC)</i> terdiri daripada Komisaris dan Ketua Pengurus Besar, <i>Direksi (Board of Director/BoD)</i> terdiri daripada Ketua Pengurus Besar dan Pengarah (Pengarah Pengeluaran, Pengarah Sumber Manusia dan Umum, Pengarah Kewangan, Pengarah Perniagaan), Pengarah Urusan</li> </ul>

**Sambungan Jadual 1.1**

Huraian	Syarikat 1	Syarikat 2	Syarikat 3	Syarikat 4
			kerja dengan Ketua Pengurus Besar	(Pengkhususan oleh Pengarah), Timbalan Pengarah Urusan Bahagian Pengeluaran  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Timbalan Pengarah Urusan Bahagian Pengeluaran sebagai pekerja bawahan kepada sub-subordinat kepada Ketua Pengurus Besar yang memiliki interaksi langsung dalam hubungan kerja dengan Ketua Pengurus Besar</li> </ul>
Pemusatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keputusan sepenuhnya oleh Pengarah</li> <li>• Kuasa memutus kos oleh Pengarah Urusan Operasi terhadap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keputusan oleh Ketua Pengurus Besar</li> <li>• Pengarah Urusan memimpin dan menubuhkan suatu projek dengan kuasa penuh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keputusan sepenuhnya oleh Ketua Pengurus Besar</li> <li>• Kuasa memutus kos oleh Pengarah Urusan terhadap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keputusan sepenuhnya oleh Ketua Pengurus Besar</li> <li>• Timbalan Pengarah Urusan Bahagian Pengeluaran hanya mengamalkan polisi Ketua Pengurus Besar</li> </ul>
Pengkhususan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengarah</li> <li>• Pengarah Urusan Operasi merangkap Pengurus Bahagian Percetakan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengarah Urusan merangkap memimpin Pengarah Urusan lainnya di 25 syarikat yang sama di bawah ibu pejabat</li> </ul>	Pengarah Urusan, Pengurus Kanan, Pengurus	Timbalan Pengarah Urusan Bahagian Pengeluaran

**Sambungan Jadual 1.1**

Huraian	Syarikat 1	Syarikat 2	Syarikat 3	Syarikat 4
		yang sama <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah sebagai penasihat</li> </ul>		
Peringkat kepercayaan kepada pemimpin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sangat tinggi oleh Pengarah</li> <li>• Tinggi oleh Pengarah Urusan Operasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tinggi oleh Pengarah Urusan</li> </ul>	Antara ada kepercayaan kepada pemimpin dan tiada kepercayaan kepada pemimpin oleh Pengarah Urusan	Antara ada kepercayaan kepada pemimpin dan tiada kepercayaan kepada pemimpin oleh Timbalan Pengarah Urusan Bahagian Pengeluaran

yang berlaku setiap tahun (berdasarkan kajian awal) dan masih berlaku hingga kini di pelbagai organisasi perniagaan di Indonesia berdasarkan isu yang dihurai dalam gejala yang berlaku tersebut dalam Bab 1 Seksyen 1.0.

Contohnya hasil temu bual dengan Pengarah Urusan di syarikat 2. Mendapati bahawa kesediaan beliau bekerja di syarikat 2 dengan syarat beliau boleh bekerja di organisasi lain atau pindah kerja di provinsi lain yang juga merupakan anak syarikat atau cawangan daripada syarikat 2. Demikian juga Pengarah Urusan di syarikat 3 dan Timbalan Pengarah Urusan Bahagian Pengeluaran di syarikat 4 yang menyatakan ingin mengundurkan diri secara sukarela sebagai pekerja. Hal ini menunjukkan betapa rendahnya kepuasan pekerja terhadap pemimpin. Seperti, komunikasi hanya berlangsung sekali sahaja kepada Pengarah Urusan di syarikat 2 dan 3 dalam penyelesaian sesuatu projek. Hal ini juga menunjukkan tentang betapa rendahnya motivasi pekerja. Manakala komunikasi di antara pemimpin dan pekerja boleh meningkatkan motivasi pekerja. Seperti yang disarankan oleh Sosik, Potosky dan Jung (2002) bahawa dua daripada empat perilaku penting dalam teori transformasional, iaitu (3) motivasi berkomunikasi, dan (4) memotivasikan pengikut

melakukan aktiviti lebih baik daripada yang diharapkan. Selanjutnya, interaksi personal merupakan potensi paling besar membentuk peluang meningkatkan komunikasi yang berkesan (Crow, 2002), di sini komunikasi merupakan amalan kepimpinan *LPI* wawasan yang membangkitkan semangat (Kouzes & Posner, 1990).

Hasil temu bual dengan Pengarah Urusan di syarikat 3, mendapati betapa rendahnya motivasi pekerja, contohnya kuasa penentuan kos oleh Pengarah Urusan, yang menjadi penghalang penyelesaian pekerjaan. Begitu juga arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengurus Besar tidak logik, tidak cekap, tidak berkesan dan tidak boleh dikerjakan. Manakala Pengarah Urusan lebih berpengalaman dari segi kepakaran daripada Ketua Pengurus Besar. Selanjutnya, hal yang tidak menyenangkan ke atas keluarga daripada Pengarah Urusan akibat daripada pengaruh kerjaya, dan Ketua Pengurus Besar tidak mengambil alih risiko pekerjaan sebagai pemangkin Pengarah Urusan ingin mengundurkan diri secara sukarela sebagai pekerja.

Hasil temu bual dengan Timbalan Pengarah Urusan Bahagian Pengeluaran di syarikat 4 menjelaskan bahawa Ketua Pengurus Besar tidak mengambil alih risiko pekerjaan dan kesediaan Timbalan Pengarah Urusan Bahagian Pengeluaran merancang untuk mengundurkan diri secara sukarela sebagai pekerja kerana tahap perkhidmatannya sudah mencapai maksimum dan tidak boleh dikembangkan lagi. Fenomena kajian awal di syarikat 3 dan 4 ini menunjukkan rendahnya kepuasan pekerja terhadap pemimpin dan motivasi pekerja.

Hasil temu bual dengan Pengarah dan Pengarah Urusan Operasi di syarikat 1 menjelaskan bahawa tunjuk perasaan tidak berlaku. Begitu juga dengan keinginan mengundurkan diri secara sukarela oleh pekerja. Hal ini menggambarkan tingginya

kepuasan pekerja ke atas pemimpin, tingginya kekerapan komunikasi, tingginya penghargaan terhadap pekerja oleh Ketua Pengurus Besar, Ketua Pengurus Besar sebagai inspirator pekerja serta bersikap terbuka. Hal ini menggambarkan tingginya motivasi pekerja.

Berdasarkan hasil dan temu bual dengan Pengarah Urusan di syarikat 2, kepercayaan kepada pemimpin oleh Pengarah Urusan adalah tinggi, amalan kepimpinan mempunyai hubungan secara langsung terhadap keberkesanan kepimpinan. Ini bererti bahawa betapa tingginya kepercayaan Pengarah Urusan kepada pemimpin, tidak menjamin keberkesanan kepimpinan yang tinggi. Contohnya, para pekerja mungkin menunjuk perasaan kerana tidak berpuas hati dengan tindakan Pengarah Urusan dalam mengendalikan pemutusan hubungan kerja secara sepihak oleh syarikat. Begitu juga dengan kes motivasi pekerja yang rendah, contohnya Pengarah Urusan ingin berpindah kerja ke organisasi atau ke cawangan syarikat di provinsi lain. Keberkesanan kepimpinan melibatkan tanggungjawab yang memerlukan bakat tertentu yang boleh diamati dengan aktiviti tertentu (Flynn, 2004).

Pengkaji berpendapat di syarikat 3 dan 4, amalan kepimpinan mempunyai hubungan terhadap kepercayaan kepada pemimpin. Selanjutnya, kepercayaan kepada pemimpin mempunyai hubungan terhadap keberkesanan kepimpinan.

Bagi syarikat 1 dan 2 pula, terdapat hubungan di antara amalan kepimpinan, kepercayaan kepada pemimpin dan keberkesanan kepimpinan, yang berbeza dengan syarikat 3 dan 4 di atas. Di kedua-dua syarikat ini juga didapati amalan kepimpinannya sangat berkesan, di samping kepercayaan kepada pemimpin yang tinggi. Hakikatnya, kepercayaan Pengarah, Pengarah Urusan Operasi, dan Pengarah Urusan terhadap pemimpin adalah tinggi. Begitu juga dengan kepercayaan kepada pemimpin yang mendorong kepada keberkesanan kepimpinan. Hal ini

menggambarkan hubungan amalan kepimpinan dan kepercayaan kepada pemimpin sebagai pemboleh ubah pencelah yang mempunyai hubungan terhadap keberkesanan kepimpinan. Amalan kepimpinan mempunyai hubungan secara langsung terhadap keberkesanan kepimpinan.

Terdapat kepelbagaian dalam permasalahan yang dihadapi oleh keempat-empat syarikat berdasarkan hasil temu bual kajian awal yang menyebabkan hubungan di antara pemboleh ubah tidak begitu jelas. Hal ini merupakan cabaran untuk melakukan kajian ini. Di samping itu, ia juga bersesuaian dengan percanggahan kajian lepas seperti Kouzes dan Posner (1993) dan Yau (2003); yang akan dihurai meliputi kajian Jung dan Avolio (2000); kajian yang akan dihurai dalam bab 2 meliputi Podsakoff, Mackenzie, Moorman dan Fetter (1990); Tichy dan Devana (1998); Butler, Cantrell dan Randall (1999); Davis, Schoorman, Mayer dan Tan (2000); Fry (2003); Lussier dan Achua (2004); dan Howell dan Frost (1989); Howel dan Avolio (1993); Kirkpatrick dan Locke (1996); Howell dan Hall-Merenda (1999); Waldman, Ramirez, House dan Puraman (2001); Jung dan Sosik (2002); dan kajian yang akan dihurai dalam bab 3 meliputi Xin dan Pelled (2003). Demikian juga amalan kepimpinan berdasarkan isu yang berlaku di organisasi perniagaan di atas menggambarkan kepelbagaian amalan kepimpinan yang membawa kesan terhadap hasil perilaku yang pelbagai pula, dan kepelbagaian arahan terhadap hubungan di antara perilaku dan hasil perilaku tersebut. Kepelbagaian dan percanggahan tersebut menggambarkan jurang kajian ini.

Pengkaji berpendapat hasil temu bual dalam kajian awal di syarikat 3 dan 4 menggambarkan kepentingan membangunkan kepercayaan kepada pemimpin dalam interaksi hubungan kerja di Syarikat Perkilangan Besar di Indonesia. Kepercayaan kepada pemimpin perlu untuk mencapai matlamat kepimpinan seseorang pemimpin.

Prestasi akan menurun apabila seseorang bekerja untuk pemimpin yang mereka tidak percayai (Anonymous, 2000). Kepercayaan sentiasa diperlukan semasa menangani pelbagai hal luar biasa di dalam organisasi (Kouzes & Posner, 1990). Di syarikat 2, walaupun berlaku penurunan prestasi, namun peringkat kepercayaan Pengarah Urusan kepada pemimpin adalah tinggi.

Percanggahan inilah yang menjadi dorongan serta cabaran untuk mengkaji kepercayaan kepada pemimpin sebagai pencilah dalam hubungan di antara amalan kepimpinan dan keberkesanan kepimpinan berdasarkan fenomena dalam kajian awal. Pada satu sisi, di syarikat 1 dan 2, kepercayaan kepada pemimpin mempunyai hubungan secara langsung dan tidak langsung terhadap keberkesanan kepimpinan. Namun demikian pada sisi yang lain, di syarikat 3 dan 4, kepercayaan kepada pemimpin merupakan pencilah dalam hubungan amalan kepimpinan dan keberkesanan kepimpinan.

Selain itu, pemboleh ubah penyederhana mempunyai arahan dalam hubungan di antara amalan kepimpinan dan kepercayaan kepada pemimpin di keempat-empat Syarikat Perkilangan Besar. Juga terdapat hubungan di antara dimensi pemboleh ubah penyederhana itu sendiri. Sebagai contoh hubungan pemilikan organisasi dan hubungan keluarga di antara pemimpin dan pekerja terhadap struktur organisasi, iaitu hierarki organisasi dan pemusatan.

Contoh, daripada hasil temu bual dengan Pengarah dan Pengarah Urusan Operasi di syarikat 1, Pengarah Urusan di syarikat 2 dan 3, dan Timbalan Pengarah Urusan Bahagian Pengeluaran di syarikat 4, ditemui bahwa fenomena pemilikan organisasi, hubungan keluarga di antara pemimpin dan pekerja, hierarki organisasi, pemusatan, dan pengkhususan di syarikat 1 dan 2 berbeza dengan di syarikat 3 dan 4. Demikian juga halnya dengan perbezaan hubungan pemboleh ubah penyederhana

dalam hubungan arahan di antara amalan kepimpinan dan kepercayaan kepada pemimpin di keempat-empat syarikat. Sebagai contoh, hierarki organisasi dan pemusatan memberi arahan lebih tinggi daripada pengkhususan dalam hubungan arahan di antara amalan kepimpinan dan kepercayaan kepada pemimpin. Hal ini yang berlaku di syarikat 1 dan 2 adalah berbeza dengan di syarikat 3.

Pengkaji berpendapat adanya kepentingan kualiti interaksi dalam hubungan kerja. Graen dan Scandura (1987) menyatakan bahawa semakin tinggi kualiti hubungan pemimpin dan anggota, maka semakin besar kepercayaan.

Hasil dan temu bual dengan Pengarah dan Pengarah Urusan Operasi di syarikat 1, Pengarah Urusan di syarikat 2 dan 3, dan Timbalan Pengarah Urusan Bahagian Pengeluaran di syarikat 4 menunjukkan bahawa fenomena pemilikan organisasi adalah lebih kukuh daripada hubungan keluarga di antara pemimpin dan pekerja sebagai penentu. Kuasa dan polisi pemimpin melakukan perubahan utama dalam organisasi adalah lebih tinggi sekiranya pemimpin merupakan pemilik utama atau pemilik saham organisasi (Yukl, 2002).

Namun, hubungan keluarga di antara pemimpin dan pekerja membawa hubungan arahan yang lebih konsisten dibandingkan dengan pemilikan organisasi, seperti yang disarankan oleh Tan dan Tan (2000). Contohnya di syarikat 1 dan 2 dibandingkan dengan syarikat 4.

Demikian juga dengan hierarki organisasi dan pemusatan yang menjadikan arahannya lebih kukuh daripada pengkhususan, bahkan bagi seorang pemimpin transformasional. Kepimpinan transformasional berasaskan kesahan kuasa dan birokrasi organisasi melebihi hubungan yang berasaskan kepada perubahan (Burn, 1978) walaupun satu daripada empat kunci nilai kepimpinan transformasional

terletak di bawah penyahpusatan pembuatan keputusan dan kuasa (Cadwell, Bischoff & Karri, 2002).

Pengkaji berpendapat bahawa hasil temu bual kajian awal di syarikat 1 dan 2 menggambarkan kepimpinan transformasional yang berkesan meningkatkan kepercayaan pekerja kepada pemimpin. Namun, kepimpinan transformasional boleh mengurangkan ketergantungan kepada pemimpin melalui delegasi kuasa kepada subordinat pemimpin (Yukl, 2002). Berdasarkan pendapat pengkaji, hal ini bertentangan dengan kajian Mayer, Davis dan Schoorman (1995) yang memerlukan ketergantungan untuk menjana kepercayaan. Graen dan Scandura (1987) menyatakan bahawa semakin tinggi ketergantungan hubungan pemimpin dan anggota, maka semakin tinggi kepercayaan. Percanggahan ini menjadi dorongan serta cabaran untuk melakukan kajian ini, khususnya kepercayaan yang berasaskan teori transformasional.

Berdasarkan huraian di atas, dapat dirumuskan bahawa keempat-empat buah syarikat tersebut memiliki pelbagai ciri yang berbeza yang dapat membentuk suatu pernyataan masalah. Selanjutnya, pemboleh ubah penyederhana yang meliputi pemilikan organisasi, hubungan keluarga di antara pemimpin dan pekerja, dan struktur organisasi (hierarki organisasi, pemusatan, dan pengkhususan) tidak semestinya mempunyai hubungan terhadap kepercayaan kepada pemimpin dalam keadaan tertentu. Sebaliknya, arahan pemilikan organisasi, hubungan keluarga di antara pemimpin dan pekerja, dan struktur organisasi berperanan dalam hubungan di antara amalan kepimpinan dan kepercayaan kepada pemimpin. Peranan arahan tersebut terlihat jelas di syarikat 1 dan 2. Arahan pemilikan organisasi, hubungan keluarga di antara pemimpin dan pekerja, dan struktur organisasi terlihat di syarikat 3 dan 4, yang hubungan amalan kepimpinan dan kepercayaan kepada pemimpin

berbeza dengan di syarikat 1 dan 2. Temuan atau dapatan ini menunjukkan terdapatnya pelbagai hubungan amalan kepimpinan dan kepercayaan kepada pemimpin berdasarkan arahan penyederhana tersebut. Dapatan ini masih merupakan hasil kajian awal dan belum ditemui dalam kajian lepas sehingga masih perlu diuji peranan arahan tersebut. Hal ini merupakan dasar memilih pemboleh ubah penyederhana dalam kajian ini.

Selain itu, amalan kepimpinan mempunyai hubungan terhadap kepercayaan kepada pemimpin, iaitu seperti yang terbukti di keempat-empat syarikat berkenaan. Di samping itu, terdapat pelbagai hubungan antaranya sama ada amalan kepimpinan mahupun kepercayaan kepada pemimpin mempunyai hubungan langsung terhadap keberkesanan kepimpinan. Hubungan ini terbukti dalam keadaan yang kepercayaan kepada pemimpin mesti mencelah dalam hubungan di antara amalan kepimpinan dan keberkesanan kepimpinan, yang terdapat kepuasan dan motivasi pekerja atau ketidakpuasan dan ketidakmotivasian pekerja.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Permasalahan kajian ini adalah keberkesanan kepimpinan (kepuasan dan motivasi pekerja). Kepelbagaian amalan kepimpinan membawa kesan terhadap kepelbagaian hubungan di antara pemboleh ubah yang menyebabkan hubungannya tidak begitu jelas berdasarkan isu di organisasi perniagaan di Indonesia, fenomena kajian awal, serta jurang kajian lepas.

Petikan atau rujukan utama tentang permasalahan atau isu yang wujud adalah daripada kesahihan laporan akhbar utama seperti *Rakyat Merdeka*, *MedanBisnis* dan *Global*. Di samping itu keseluruhan laporan akhbar diperoleh daripada laman sesawang peringkat antarabangsa iaitu <http://www.google.co.id>.

Masalah kepemimpinan dalam Syarikat Perkilangan Besar di Indonesia yang berlarutan sehingga kini adalah keberkesanan kepemimpinan (kepuasan dan motivasi pekerja) berdasarkan amalan kepemimpinan. Sebagai contoh, isu eksploitasi pekerja di Nike, yang menurut Anya Schiffrin et.al (2004) adalah suatu pelanggaran hak pekerja di Indonesia. Permasalahan ini adakalanya berlarutan sehingga tercetusnya tunjuk perasaan dalam kalangan pekerja. Sejak lima tahun kebelakangan ini, tunjuk perasaan di organisasi perniagaan tekstil dan produk tekstil lain mencatat peratusan tertinggi jika dibandingkan dengan sektor yang lain. Berdasarkan Sedane nombor 2 tahun 2004, berlaku sekitar 40 tunjuk perasaan yang melibatkan 39 ribu pekerja pada semester pertama 2004. Kemelut ini berterusan sehingga November 2004, yang mencatatkan 105 tunjuk perasaan yang melibatkan lebih daripada 102 ribu pekerja. Sekitar 19 ribu orang pekerja pusing ganti dan berterusan sehingga kini. Permasalahan ini seharusnya tidak berlaku kerana organisasi perniagaan ini boleh menyerap pekerja hingga dua juta orang (Fahmi, 2005).

Akibat daripada permasalahan ini telah mendorong pekerja bertindak ganas, contohnya di Tangerang, mereka mengancam untuk mengepong kota Jakarta (Sunarno, 2007 dan Syauckani, 2007). Permasalahan sebegini wujud kerana ketidakpuashatian pekerja terhadap sistem kerja kontrak (Sunarno, 2007), keselamatan pekerja tidak terjamin dan sistem pelantikan pekerja tidak jelas (Tjen, 2007).

Di samping itu, permasalahan ini juga wujud kerana Undang-undang Ketenagakerjaan nombor 13 tahun 2003 yang memberi kuasa penuh kepada pemilik syarikat (terdapat kebarangkalian pemilik syarikat merupakan Ketua Pengurus Besar) yang memungkinkan hak-hak pekerja tidak terbela atau dinafikan (Kelana, 2007b).

Selain itu, meskipun pekerja kagum terhadap usaha yang dilakukan oleh Ketua Pengurus Besar (seperti kecerdasan, kemampuan berkomunikasi, mencari peluang pasaran serta memotivasikan pekerja), namun permasalahan asas atau gejala klasik (seperti meningkatkan kesejahteraan pekerja, ketidakadilan pengembangan kerjaya, kawalan secara berlebihan dan paranoid terhadap aktiviti pekerja, memperlakukan pekerja bukan sebagai manusia, pekerja bosan dan ketidakbebasan berpendapat) yang belum dapat diatasi sebaiknya, menyebabkan para pekerja bersikap biadap serta mengingkari arahan beliau (Kelana, 2007a). Berdasarkan Marsudi (1992), dalam ciri-ciri kepimpinan Pancasila, satu daripada kualiti yang mesti dimiliki seorang pemimpin adalah sebagai seorang motivator yang boleh menggerakkan atau mempengaruhi anggotanya untuk mencapai matlamat kepimpinannya.

Harus diingatkan bahawa organisasi pekerja atau kesatuan pekerja terdiri daripada pekerja biasa / bawahan dan pekerja profesional. Cara mereka melakukan protes adalah berbeza (Kelana, 2007).

Selanjutnya, hak normatif pekerja (seperti cuti bersalin, sistem kontrak kerja, wang deposit tidak dikembalikan, tidak menjalankan mekanisme yang bersesuaian dengan Undang-Undang Nombor 13 tahun 2003, pertukaran tugas atau dipindah-tugas tanpa pengetahuan pekerja, tidak memberikan hak dasar pekerja seperti status pekerja tetap, masa kerja berlebihan dan bekerja pada cuti umum tanpa pampasan, kemudahan lain, kos seragam kerja dan alat kerja menggunakan wang deposit pekerja) tidak begitu ditekankan. Namun, Kepala Sumber Manusia Suzuya Rantauprapat, Darwan Yanto, mengatakan bahawa perkara dipindah-tugas adalah polisi syarikat dan hendaklah dipatuhi atau perlu ada pemutusan hubungan kerja secara sepihak oleh syarikat atau pertukaran pekerja (MedanBisnis, 2008).

Lanjutan daripada pelaksanaan Undang-Undang Nombor 25 tahun 2007 tentang penanaman modal asing, pekerja dianggap sebagai hamba/orang suruhan dengan mekanisme kerja kontrak (*outsourcing*), pekerja harian dan pemberhentian kerja dilakukan mengikut kehendak hati (Yusrizal, 2010).

Pengkaji berpendapat bahawa isu-isu di atas merupakan permasalahan ketidakberkesannya kepemimpinan sama ada ketidakpuasan terhadap pemimpin dan pekerja tidak bermotivasi seperti yang disarankan oleh Yukl (2002). Pengkaji juga berpendapat bahawa permasalahan yang berlaku di Syarikat Perkilangan Besar di Indonesia menggambarkan kepelbagaian amalan kepemimpinan yang membawa kesan ke atas hasil perilaku yang kepelbagaian pula, dan kepelbagaian arahan terhadap hubungan di antara perilaku dan hasil perilaku tersebut yang merupakan jurang kajian ini.

Selain itu, pengkaji juga berpendapat bahawa betapa berkesannya kepemimpinan seseorang pemimpin, hatta Ketua Pengurus Besar sekalipun, namun masih wujud rasa ketidakpercayaan kepada pemimpin. Yang menjadi fokus atau cabaran kajian ini adalah permasalahan ketidakberkesanan kepemimpinan.

Permasalahan ini berlarutan sehingga kini yang melibatkan perilaku pemimpin dalam amalan kepemimpinan. Gazalba (1978) mengatakan bahawa perilaku lahir daripada kemahuan/kehendak. Dalam kajian ini, ia berlaku atas kehendak pemimpin.

Permasalahan yang sebegini sepatutnya tidak berlaku di Negara Kesatuan Republik Indonesia yang berteraskan Pancasila, Pancasila ini disokong oleh etika perniagaan Indonesia yang dikenali sebagai etika perniagaan Pancasila berpedoman kepada seluruh sila Pancasila atau huraian-huraiannya (Mubyarto, 2002). Pancasila ini dianggap sebagai pedoman perilaku bagi setiap individu dalam kehidupan

ekonomi dan perniagaan sehari-hari (Mubyarto, 2002). Pancasila merupakan pegangan nilai-nilai untuk berperilaku (Yudhoyono, 2005). Pancasila sebagai asas falsafah Negara Republik Indonesia, pandangan hidup bangsa Indonesia, dasar negara, jiwa dan keperibadian bangsa Indonesia, matlamat yang akan dicapai bangsa Indonesia, dan perjanjian luhur rakyat Indonesia (Wiyono, 1982 & Marsudi, 1992). Namun, sejauh mana ia diamalkan di Syarikat Perkilangan Besar di Indonesia boleh dijadikan kajian pada masa hadapan.

Di samping itu, permasalahan atau isu ini juga melibatkan penilaian kepercayaan para pekerja terhadap amalan kepimpinan seseorang pemimpin. Contohnya, isu kepercayaan dan ketidakpercayaan yang berlaku pada tahun 2003 banyak memberi kesan terhadap ekonomi dunia dan daya bertahan organisasi (Kaur, 2003). Di samping itu, isu ketidakpercayaan boleh menjejaskan psikologi sosial, pertumbuhan ekonomi dunia dan pengurusan (Mahathir, 2003). Kepercayaan memberi pengaruh terhadap manusia di seluruh dunia, yang kini sedang mengalami krisis kepercayaan (Covey, 2010).

Berdasarkan saranan kajian lepas, pemimpin dan pekerja dalam sesebuah organisasi perlu saling berinteraksi dalam hubungan kerja. Interaksi ini mempunyai hubungan terhadap kepercayaan (Thong & Yap, 1995, Simon & Peterson, 2000). Dalam usaha membentuk kepercayaan, pemimpin dan pekerja memerlukan organisasi dan sebaliknya organisasi memerlukan kepercayaan (Landabaso, Mouton & Miedzinski, 2003). Oleh itu, kajian ini tidak luput daripada perbincangan tentang organisasi dalam membincangkan kepercayaan kepada pemimpin sebagai satu daripada bidang kajian ini. Namun, kajian ini memberi sumbangan yang berbeza dengan kajian lepas yang mengkaitkan dengan keberkesanan organisasi manakala kajian ini adalah keberkesanan kepimpinan yang merupakan prestasi individu

pemimpin organisasi sama ada sebagai individu mahupun sebagai mewakili organisasi.

Rotter (1980) mengatakan bahawa terdapat beberapa tahap kepercayaan, iaitu daripada tahap rendah hingga tahap tinggi (Kouzes & Posner, 1987). Kepercayaan kepada pemimpin bergantung pada amalan kepimpinan dan penilaian kepercayaan pekerja (Kouzes & Posner, 1990 & 1992). Pemimpin tidak boleh mencapai sesuatu secara bersendirian, sebaliknya ia memerlukan interaksi (Kouzes & Posner, 1990).

Dalam hal ini, pengkaji berpendapat bahawa seseorang pemimpin memerlukan amalan kepimpinan yang berkesan dan kepercayaan daripada pekerja. Ini juga disokong oleh Tan dan Tan (2000) bahawa pemimpin bertanggungjawab untuk mewujudkan interaksi sosial dalam organisasi.

Untuk itu, wawasan merupakan asas interaksi pemimpin transformasi (Egan, 1985). Wawasan merupakan amalan kepimpinan (Kouzes & Posner, 1987, 1990 & 1993). Amalan kepimpinan *Leadership Practice Inventory* (LPI) menjangkakan hubungan amalan kepimpinan *LPI* dan kepercayaan kepada pemimpin, dan kepuasan terhadap pemimpin (Kouzes & Posner, 1993). Pengkaji berpendapat bahawa kepercayaan kepada pemimpin dan kepuasan pekerja terhadap pemimpin merupakan suatu yang ingin dicapai oleh seorang pemimpin dalam kepimpinannya di dalam sesebuah organisasi.

Di sini boleh dilihat bahawa kepimpinan transformasional melibatkan amalan kepimpinan, kepercayaan dan kepuasan pekerja ke atas pemimpin. Kepimpinan transformasional mempunyai hubungan positif terhadap hasil pada tahap individu (Avolio, 1999 dan Kirkpatrick & Locke, 1996). Huraian di atas menggambarkan hubungan pencelah di antara amalan kepimpinan dan kepercayaan kepada pemimpin,

kepercayaan kepada pemimpin dan keberkesanan kepimpinan, serta amalan kepimpinan dan keberkesanan kepimpinan.

Kepuasan pekerja terhadap pemimpin merupakan keberkesanan kepimpinan (Yukl, 2002). Asas bagi keberkesanan kepimpinan adalah dengan membentuk hubungan di antara pemimpin dan subordinat yang merupakan asas kepada teori kepimpinan moden yang telah dikembangkan sejak tahun 1950 sehingga kini (Yukl, 2002). Pengkaji berpendapat bahawa teori transformasional merupakan teori kepimpinan moden kerana ia telah dikembangkan semenjak 1950 sehingga kini oleh Burn (1978) dan Bass (1985).

Kepelbagaian isu, kepelbagaian kajian lepas dan kepelbagaian kajian awal boleh digambarkan dalam Lampiran B. Daripada lampiran ini boleh dilihat bahawa isu-isu tersebut merupakan permasalahan tentang kepelbagaian amalan kepimpinan seorang pemimpin, kepelbagaian kepercayaan kepada pemimpin, kepelbagaian keberkesanan kepimpinan (kepuasan dan motivasi pekerja), kepelbagaian pemilikan organisasi, kepelbagaian hubungan keluarga di antara pemimpin dan pekerja, dan kepelbagaian struktur organisasi (hierarki organisasi, pemusatan dan pengkhususan).

Berdasarkan kajian awal, diperhatikan bahawa isu-isu tersebut cenderung berlaku di syarikat 3 dan 4, sebahagian berlaku di syarikat 2, dan sedikit yang berlaku di syarikat 1. Selain itu, terdapat kepelbagaian dalam permasalahan yang dihadapi oleh keempat-empat syarikat tersebut berdasarkan hasil temu bual dalam kajian awal oleh pengkaji sehingga tidak jelas hubungan di antara pemboleh ubah dalam kajian ini. Kepelbagaian isu di organisasi perniagaan, kajian awal dan kajian Kouzes dan Posner (1990, 1992 & 1993); Thong dan Yap (1995); Simon dan Peterson (2000); Avolio (1999); dan Kirkpatrick dan Locke (1996) membawa kepada kepelbagaian hubungan di antara pemboleh ubah dalam kajian ini.

Kajian ini mengkaji hubungan amalan kepimpinan, kepercayaan kepada pemimpin dan keberkesanan kepimpinan dan menguji penyederhana dalam kajian ini secara lengkap yang belum terdapat dalam kajian lepas iaitu amalan kepimpinan dikaji pada peringkat individu dengan menggunakan amalan kepimpinan *Leadership Practice Inventory* (LPI) Kouzes dan Posner (1990) dan dipandang dari sudut psikologi sosial. Selanjutnya, teori transformasional sebagai asas teori dalam kajian ini sehingga dapatan kajian ini boleh mengukuhkan kelayakan teori transformasional untuk berterusan digunakan dengan hubungan amalan kepimpinan dan keberkesanan kepimpinan dalam kepimpinan moden masa kini. Kemudiannya, dapatan kajian ini boleh menentukan ukuran amalan kepimpinan yang berkesan dan keberkesanan kepimpinan. Selain itu, kepercayaan kepada pemimpin sebagai pencelah di antara amalan kepimpinan dan keberkesanan kepimpinan dan penyederhana pemilikan organisasi, hubungan keluarga di antara pemimpin dan pekerja, dan struktur organisasi (hierarki organisasi, pemusatan, dan pengkhususan) di antara amalan kepimpinan dan kepercayaan kepada pemimpin yang melibatkan tiga peringkat pekerja (subordinat, sub-subordinat, dan pekerja bawahan kepada sub-subordinat kepada Ketua Pengurus Besar) yang merupakan dapatan kajian awal merupakan satu sumbangan kajian ini yang jelas dan nyata dan berbeza dengan responden kajian lepas. Selanjutnya, dapatan kajian ini boleh menentukan kepercayaan kepada pemimpin sebagai pencelah dan pemilikan organisasi, hubungan keluarga di antara pemimpin dan pekerja, dan struktur organisasi (hierarki organisasi, pemusatan, dan pengkhususan) sebagai penyederhana.

Di samping itu, dapatan kajian ini merupakan maklumat rujukan kepada Ketua Pengurus Besar di Syarikat Perkilangan Besar di Indonesia dalam amalan kepimpinan kerana merupakan penghubung di antara pengamal dan pakar teori